

*nation*). Selain daripada itu, semakan semula akta turut akan dilihat secara keseluruhan bagi memastikan pindaan semula akta berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang semasa.

Secara amnya, undang-undang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Kanun Keseksaan juga terpakai dalam membendung aktiviti berbaur hasutan dan penghinaan terhadap agama melalui media sosial. Tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab menyedia dan menyebarkan kandungan-kandungan tersebut. Selain dari pendakwaan di mahkamah untuk pesalah-pesalah yang dikenalpasti, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) juga akan mengambil tindakan menyekat akses kepada laman-laman sesawang yang melanggar undang-undang tersebut.

SKMM juga telah menubuhkan Biro Aduan yang merupakan pusat untuk menerima aduan sekiranya mempunyai maklumat mengenai kewujudan laman sesawang atau blog yang melanggar mana-mana peruntukan AKM 1998 atau mengenai penyalahgunaan internet iaitu <http://aduan.skmm.gov.my> atau talian bebas tol 1-800-888-030. Selain itu, KKMM turut menekankan aspek pendidikan supaya rakyat terus mempunyai sikap bertanggungjawab dan beretika dalam menulis serta menyiarkan komen, berita, rencana atau gambar agar tidak menyentuh sensitiviti agama, kaum dan Institusi Diraja.